

Sumbangan PM cukup bermakna berbanding ulama

UM 28 SEP 2003

ALOR STAR 27 Sept. —

Walaupun populariti Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam isu perjuangan Islam sering ditenggelamkan tokoh ulama semasa tetapi sumbangan beliau di dalam Islam cukup bermakna dan berkesan berbanding ulama itu sendiri.

Prof. Madya Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahman dari Jabatan Fiqah Aksul Akademik Pengajian Islam UKM berkata, Perdana Menteri tidak mendapat pendidikan asas dalam pengkhususan agama di Timur Tengah tetapi idea-idea tajdid yang dibawakannya setanding dengan lulusan agama.

“Kelebihan kedua boleh dilihat dari sifat dan tabiat Dr. Mahathir yang memang terkenal sebagai tokoh yang amat luas pembacaannya,” katanya.

Dr. Rahimin yang membentangkan kertas kerja bertajuk Konsep Tajdid dan Pemikiran Islam Dr. Mahathir: Satu Analisis berkata, sifat ini diakui kawan dan musuh politiknya.

“Dr. Mahathir juga berusaha memperlengkap diri dengan segala bentuk ilmu dunia dan akhirat dan memikirkan jalan penyelesaian terbaik.

Pengarang majalah *Al Islam*, Astora Jabat pula berkata Dr. Mahathir bukan sahaja pemikir Islam tetapi beliau juga pelaksana segala gagasan pemikiran Islam ke alam nyata.